

06 SEP 1998

Umno-Penjelasan

UMNO P.PINANG BUAT MAJLIS PENERANGAN JELAS SEBAB ANWAR DIPECAT

PULAU PINANG, 6 Sept (Bernama) -- Umno Negeri Pulau Pinang akan mengadakan majlis-majlis penerangan untuk semua ahlinya bagi menjelaskan sebab-sebab pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan.

Timbalan Ketua Pengerusi Perhubungan Umno Negeri Pulau Pinang Datuk Mohd Shariff Omar hari ini berkata, badan perhubungan itu akan menyusun program penerangan itu tidak lama lagi dengan bantuan Umno Bahagian.

Wakil-wakil Majlis Tertinggi (MT) juga akan dijemput untuk membantu di dalam memberi penerangan, katanya pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno di sini. Beliau juga ketua Bahagian Tasik Gelugor.

Yang turut hadir ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Ketua Bahagian Kepala Batas. Tujuh lagi bahagian -- Nibung Tebal, Balik Pulau, Tanjung, Gelugor, Bukit Mertajam, Permatang Pauh, dan Bayan Baru - diwakili oleh ketua-ketua bahagian atau timbalan ketua bahagian masing-masing.

Dua bahagian -- Bagan dan Bukit Bendera tidak menghantar wakil langsung. Bahagian Bagan diketuai oleh Datuk Abdul Latif Mirasa manakala Bahagian Bukit Bendera diketuai oleh Senator Ahmad Ismail.

Mohd Shariff berkata badan perhubungan Umno Pulau Pinang juga hari ini menyokong untuk memberi sokongan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus memimpin parti itu dan berusaha untuk memulihkan ekonomi negara.

Mesyuarat juga menerima sepenuhnya keputusan Majlis Tertinggi untuk memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim serta akan terus berusaha mengukuhkan perjuangan parti, katanya.

Menurutnya, semua wakil yang hadir termasuk Ketua Wanita Sharifah Aminah Syed Mohd, tidak membuat sebarang bantahan di mana setiap yang hadir dibenarkan untuk memberi pandangan masing-masing.

Bagaimanapun, hanya pergerakan Pemuda Negeri Pulau Pinang sahaja yang masih belum membuat pendiriannya kerana ketuanya Dr Abdul Rahim Mohd Ghouse masih berada di Kuala Lumpur.

Setiausaha pergerakan pemuda, Norazam Othman berkata, mesyuarat pergerakan Pemuda Umno negeri akan diadakan secepat mungkin selepas ketuanya pulang ke Pulau Pinang.

-- BERNAMA

AHM WAT